

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SEKITAR DEWAN RAKYAT



DATUK SERI DR
MAHATHIR MOHAMAD

Perlembagaan dipinda untuk rakyat-PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bukan dibuat sewenang-wenangnya tetapi adalah bagi kepentingan rakyat dan menjamin keberkesanan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.

Menurut Perdana Menteri, pelbagai faktor diambil kira sebelum sesuatu pindaan itu dibuat kerana "kerajaan tidak berminat untuk meminda perlembagaan yang menjadi undang-undang asas negara dengan sewenang-wenangnya".

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (pindaan) 1983 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat semalam, Perdana Menteri berkata:

"Walaupun perlembagaan negara adalah undang-undang yang tertinggi, namun ia adalah undang-undang, sebagaimana kita maklum perlembagaan kita mengandungi peruntukan-peruntukan yang terperinci jika dibandingkan dengan perlembagaan setengah-setengah negara lain.

"Oleh itu, ada kalanya membolehkan undang-undang lain diadakan atau diperkemaskan, perubahan-perubahan tertentu kepada perlembagaan perlu dibuat. Ada ketika-kala pindaan hakiki kepada perlembagaan perlu juga dibuat.

"Perlembagaan kita telah dipinda pada masa-masa yang lalu dan kali terakhir kita meminda perlembagaan ialah dalam tahun 1981.

"Pindaan kepada perlembagaan bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya tetapi dibuat

mengambil kira pelbagai faktor dan untuk kepentingan rakyat dan pemerintahan serta pentadbiran negara yang berkesan."

Rang undang-undang itu, jelas Datuk Seri Dr Mahathir, bertujuan meminda beberapa perkara dalam perlembagaan termasuk perkara eksekutif, badan perundangan persekutuan, suruhanjaya-suruhanjaya, kehakiman, kuasa-kuasa darurat dan jadual-jadual kelapan dan kesembilan.

Katanya, kebanyakan pindaan yang dibentangkan adalah pindaan berbangkit saja, yang bertujuan menjelaskan dan menghapuskan keraguan terhadap peruntukan yang sedia ada.

Tegasnya, semangat dan prinsip yang termaktub dalam perlembagaan negara tidak akan terjejas dengan pindaan berkenaan.

"Undang-undang adalah satu ciri penting bagi sesuatu negara, kerana undang-undang membolehkan sesebuah negara menjalankan pentadbiran dan kegiatannya dengan teratur dan terjamin.

"Undang-undang juga menentukan rakyat dan lalain-lain anggota masyarakat sesebuah negara hidup aman damai dan terpelihara dari sebarang ancaman atau penindasan.

"Tetapi oleh kerana sesebuah negara dan masyarakatnya tidaklah statik dan sebaliknya sering berubah dan bertukar corak, maka undang-undang terpaksa dipinda dan disesuaikan dari masa ke masa.

"Demikianlah undang-undang buatan manusia. Cuma undang-undang Tuhan saja yang tidak dapat diubah," jelasnya.